

SULIT

1103/1

Bahasa

Melayu

Kertas 1

Ogos/September

2014

2¼ jam

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2014

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab Soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Grafik di bawah merupakan sebahagian daripada logo laman sosial yang digunakan pada masa ini serta maklumat tentang faedah-faedah menggunakannya.

Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah menggunakan laman sosial. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200-250 patah perkataan.

Faedah-faedah Menggunakan Laman Sosial



Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu sukan melalui pelaksanaan dasar 1Murid 1Sukan.

Jelaskan faedah-faedah yang akan diperoleh dengan menyertai aktiviti sukan.

- 2 Anda telah mewakili sekolah anda dalam satu pertandingan pidato peringkat daerah. Tajuk pidato anda ialah 'Tanggungjawab Ibu Bapa Memupuk Semangat Patriotik dalam Jiwa Anak-anak'.

Tuliskan teks pidato itu selengkapnya.

- 3 Semangat kejiranan yang semakin luntur telah menyebabkan timbulnya berbagai-bagai masalah dalam masyarakat.

Huraikan faktor-faktor lunturnya semangat kejiranan dan cara-cara mengatasinya.

- 4 Minat masyarakat kini terhadap artis antarabangsa dalam bidang seni seperti nyanyian dan lakonan telah mendatangkan pelbagai impak.

Ulasakan pernyataan tersebut.

- 5

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Petikan sajak 'Harga Remaja' di atas mengetengahkan persoalan tentang pengisian kehidupan remaja.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara memanfaatkan usia remaja.

KERTAS SOALAN TAMAT